

Koperasi bantu tangani kos sara hidup B40

Oleh HAKIM I ISMAIL dan
DIANA AZIS
pengarang@utusan.com.my

■ CYBERJAYA 21 SEPT.

GERAKAN koperasi boleh memainkan peranan besar dalam membantu golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) di bandar dan juga luar bandar menangani peningkatan kos sara hidup.

Perdana Menteri, Tun Dr, Mahathir Mohamad berkata, ketika ini koperasi merupakan antara platform keusahawanan yang penting bagi pembangunan ekonomi negara selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030.

Beliau berkata, sumbangan koperasi bukanlah semata-mata mengikut Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tetapi perlu juga dilihat dari aspek peningkatan kuasa beli rakyat yang membawa kepada kemakmuran bersama.

"Gerakan koperasi sebenarnya boleh memainkan peranan besar dalam membantu golongan B40 di bandar dan juga luar bandar bagi menangani peningkatan kos sara hidup.

"Bagi tujuan itu, saya menyalurkan pelaksanaan program Barang Asas 100 (BA100), anjuran bersama Kementerian Pembangunan Usahawan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dalam sektor pemborongan dan peruncitan.

"BA100 adalah program berteraskan e-dagang, yang akan mengumpulkan belian ba-



DR. MAHATHIR MOHAMAD merasmikan **Majlis Amanat Perdana Menteri Bersama Gerakan Koperasi dan Majlis Countdown Halatuju Koperasi Selepas 100 Tahun di Cyberjaya, semalam.** Turut kelihatan, **Mohd. Redzuan Yusof** (dua dari kiri) dan **Nordin Salleh** (kiri). - MINGGUAN/ RASHID MAHFOF

rang asas secara pukal mengikut permintaan oleh lebih kurang 3,000 koperasi runcit di seluruh negara," katanya ketika berucap dalam Majlis Amanat Perdana Menteri Bersama Gerakan Koperasi dan Majlis Countdown Halatuju Koperasi Selepas 100 Tahun, di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd. Redzuan Yusof; Pengerusi Eksekutif SKM, Datuk Nordin Salleh dan Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah.

Menurut Perdana Menteri, gerakan koperasi di Malaysia banyak membantu kerajaan melaksanakan pelbagai program untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal mampan serta pengagihan kekayaan dibuat secara telus, adil dan saksama.

"Di peringkat global, pemba-

bitan koperasi mampu menangani kos sara hidup penduduk di mana mereka boleh menyediakan bekalan tenaga elektrik kepada komuniti dengan kadar tarif ditentukan oleh anggota.

"Contohnya, 900 koperasi bergabung mewujudkan America's Electric Cooperative seterusnya menguasai sebanyak 56 peratus pengguna di Amerika Syarikat (AS). Koperasi ini menyumbang sebanyak AS\$391 bilion daripada keseluruhan industri elektrik di negara terabit," katanya.

Dr. Mahathir berkata, dengan kekuatan gerakan koperasi di Malaysia yang mencecah 14,237 dengan keanggotaan sebanyak 6.1 juta orang, koperasi boleh bergabung dan menceburi bidang baharu dan mengembangkan aktiviti sedia ada untuk menguasai pasaran yang lebih luas.